

BAB 4

Analisis Produk Perbankan Islam di Maybank Berhad

BAB 4

ANALISIS PRODUK PERBANKAN ISLAM DI MAYBANK BERHAD

4.1 Pengenalan

Sambutan masyarakat terhadap perbankan dan kewangan Islam dari aspek deposit pada peringkat awal amat menggalakkan, namun terdapat banyak kes di mana dana yang terkumpul itu terus kekal dalam keadaan terbiar kerana kekurangan peluang pelaburan dan alat pembiayaan. Kekurangan ini berpunca daripada terhadnya tempat untuk disalurkan dana tersebut disebabkan instrumen pasaran kewangan konvensional yang sedia ada berdasarkan bunga.

Begitu juga kesedaran masyarakat mengenai skim perbankan Islam masih rendah berikutan hanya 10 peratus daripada kira-kira 14 juta umat Islam di negara ini mempunyai akaun dalam produk perbankan Islam.¹⁹⁹ Ini adalah kerana keraguan dan tidak yakin dengan ketelusan produk perbankan Islam yang ditawarkan. Mereka juga beranggapan bahawa sistem perbankan Islam menciplak sistem perbankan konvensional.

Bagi mengatasi masalah ini perbankan Islam telah memajukan pasaran khusus untuk diniagakan sekuriti-sekuriti bercorak Islam dan mempelbagaikan alat-alat tersebut. Kepelbagaian instrumen perlu diwujudkan bagi menangani kehendak

¹⁹⁹*Harian Metro*, "Umat Islam Tak Minat Perbankan Syariah", 7 November 2001.

masyarakat yang berbeza-beza. Instrumen-instrumen ini perlu diwujudkan dari semasa ke semasa selari dengan perubahan zaman dan teknologi, terutamanya bagi memenuhi kehendak pembiayaan dari pelbagai pihak yang menggunakan sistem kewangan tersebut.

Fasa I (tempoh 1983-1992) sistem kewangan Islam di Malaysia sudahpun wujud pelbagai instrumen kewangan secara Islam dan ini bererti salah satu keperluan sistem perbankan Islam telah tercapai bagi memenuhi keperluan institusi kewangan dan juga pelanggan di Malaysia. Senarai instrumen atau produk ini adalah seperti di Lampiran 8. Kebanyakan produk ini dicipta melalui proses pengalaman dan pengkajian. Biasanya instrumen dikenal pasti dan dikaji cara yang terbaik untuk memberi kemudahan yang sama melalui sistem kewangan Islam.

Bagi tujuan penulisan disertasi ini, penulis cuba membuat penganalisaan terhadap instrumen-instrumen atau produk-produk yang ditawarkan oleh Maybank Berhad dari sudut fiqh atau syariah dan ekonomi dengan berdasarkan pendapat-pendapat dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulamak-ulamak dan juga pakar-pakar ekonomi.

4.2 Analisis produk dan perkhidmatan perbankan Islam di Maybank Berhad

4.2.1 Operasi Perbankan : Deposit Pelanggan

Penerimaan deposit adalah merupakan suatu amalan perbankan yang asas tidak kira sama ada bagi individu ataupun bukan kerana melaluinya bank dapat menghasilkan dan mengumpulkan dana bagi menggerakkan aktivitinya.²⁰⁰

Perbankan Islam di Maybank Berhad menyediakan kepada pelanggannya lima bentuk akaun iaitu Akaun Semasa Wadiah, Akaun Semasa Mudharabah, Akaun Simpanan Wadiah, Akaun Pelaburan Mudharabah Am dan Akaun Pelaburan Mudharabah Khas.²⁰¹

4.2.1.1 Akaun Semasa

a) Akaun Semasa Wadiah

Akaun Semasa Wadiah berdasarkan prinsip Wadiah Yad Dhamanah. Ianya sama dengan akaun yang ditawarkan oleh bank-bank lain. Antara ciri-cirinya ialah:

²⁰⁰ al-Ba'li, 'Abd. al-Hamid Mahmud (1991), *al-Istithmar wa al-Raqabah al-Syar'iyyah fi al-Bunūk wa al-Muassasah al-Māliyyah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h.42.

²⁰¹ Brosur Produk & Perkhidmatan Perbankan Islam Maybank.

- i. Bank menerima deposit daripada penyimpan yang inginkan penjagaan selamat dan kemudahan penggunaan wang mereka dalam bentuk Akaun Semasa di bawah prinsip *al-Wadiah*.
- ii. Bank meminta keizinan penyimpan-penyimpan untuk menggunakan wang mereka selama mana wang itu tersimpan dengannya.
- iii. Penyimpan-penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan pada bila-bila masa yang merekakehendaki, dan dalam hal ini Bank memberi jaminan untuk mengembalikan baki tersebut.
- iv. Semua keuntungan daripada penggunaan dana tersebut adalah menjadi hak Bank. Bank boleh mengikut budi bicaranya memberikan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada penggunaan baki Akaun Semasa kepada penyimpan-penyimpan berkenaan dari semasa ke semasa.
- v. Bank memberi Buku Cek dan perkhidmatan lain yang berhubung dengan Akaun Semasa kepada penyimpannya.
- vi. Kelayakan untuk membuka akaun ini diberi kepada semua individu yang berumur 18 tahun keatas, syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan dan kelab-kelab.
- vii. Deposit minimum bagi Akaun Persendirian / Akaun Bersama ialah RM1,000, manakala akaun-akaun lain ialah RM2,000.
- viii. Bayaran perkhidmatan sebanyak RM10 dikenakan bagi setiap 6 bulan.

- ix. Overdraft juga diberikan kepada pelanggan setelah mendapat persetujuan dari pihak bank.
- x. Pada setiap bulan pelanggan akan menerima penyata akaun.

b) Akaun Semasa Mudharabah

Selain Akaun Semasa Wadiyah, Maybank juga menawarkan perkhidmatan Akaun Semasa Mudharabah. Ianya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Akaun Semasa Wadiyah, cumanya Akaun Semasa ini menggunakan prinsip mudharabah ataupun perkongsian untung. Justeru, dirasakan tidak perlu untuk menerangkan ciri-ciri tersebut disini.

Analisis produk Akaun Semasa

Analisis produk ini dibuat keatas beberapa perkara :

A. Analisis fiqh terhadap akaun

Berdasarkan keterangan terhadap Akaun Semasa Wadiyah di atas, Jabatan Perbankan Islam menganggapnya sebagai harta dan barang *Wadī'ah* yang sebenar. Akan tetapi, sebahagian besar pengkaji kontemporari menganggapnya sebagai hutang (فريض).²⁰² Sekiranya bank memberi faedah, maka ia merupakan hutang yang

²⁰²Lihat al-Qarađawī, Yūsuf (1993), *Fawā'id al-Bunūk Hiya al-Ribā al-Harām*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h.46; al-Zarqā', 'Mustafā Ahmād (1987), "al-Maṣārif : Mu'amalatiha wa Wadā'iha wa Fawā'idihā", dalam *Qarārat fī al-Iqtisād al-Islāmī*. Markaz Abhās al-Iqtisād al-Islāmī, Jami'ah al-Malik 'Abd al-'Azīz, Jeddah, h.330; al-Salūs, 'Alī Ahmād (1996), *al-Iqtisād al-Islāmī wa al-*

mempunyai riba sepetimana yang berlaku di bank-bank konvensional. Dan sekiranya tidak ada faedah ke atasnya, maka ia merupakan pinjaman kebajikan (فرض حسن) sepetimana yang berlaku di bank-bank Islam. Muktamar ke-9 yang diadakan di Abu Dhabi pada 1-6 Zulkaedah 1415 / 1-6 April 1995 menyatakan:²⁰³

الودائع تحت الطلب (الحسابات الجارية) سواء أكانت لدى البنوك
الإسلامية أو البنوك الربوية هي قروض بالمنظور الفقهية حيث إن
المصرف المتسلم هذه الودائع يده يد ضمان لها وهو ملزم شرعاً بالرد
عند الطلب ولا يؤثر على حكم القرض كون البنك (المفترض)
ملينا.

"al-Wadi'ah Atas Permintaan (Akaun Semasa) sama ada di sisi perbankan Islam mahupun perbankan konvensional adalah merupakan instrumen hutang (قرض) yang pihak bank menerima deposit daripada pelanggan yang inginkan jaminan penjagaan ke atas tabungan mereka dan wajib ke atas bank mengembalikan jumlah wang itu sepenuhnya kepada tuan punya wang pada bila-bila masa dituntut".

Para fuqaha mentakrifkan *wadi'ah* ialah harta yang diserahkan supaya dijaga dengan tanpa gantian (bayaran).²⁰⁴ Dari sini jelas difahami bahawa pengertiannya tidak terkeluar sebagai wakil untuk menjaganya. Jika keizinan diberi untuk menggunakannya, maka ia adalah hutang kerana kebiasaan harta tersebut

Qaḍāyā al-Fiqhiyyah al-Mu'āṣrah, J.1. Doha: Dār al-Thaqāfah, h.166; al-Misri, Rafiq Yūnus (1991), *al-Jāmi' fī'l-sūl al-Ribā*. Dimasyq: Dār al-Qalam, h.428.

²⁰³ *Majma' al-I'iqh al-Islāmī* (1998), "Qarārāt wa Tawsiyāt Majma' al-Fiqh al-Islāmī" (ed.) 'Abd Sattar Abū Ghādah. Dimasyq: Dār al-Qalam, h.196.

²⁰⁴ al-Bahūtī, Mansūr b. Yūnus (1402H), *Hilāl Muṣiliḥī* (ed.) *Kasyāf al-Qinā'*, J.4. Beirut: Dār al-Fikir, h.166.

tidak bermanfaat kecuali dengan menggunakannya. Perlu difahami, ia bukannya pinjaman (إعارة) kerana pinjaman ini mesti memulangkan barang yang sama.²⁰⁵

al-Mughnī menyatakan: "Harus meminjam dirham dan dinar, sekiranya untuk dibelanjakan, maka ia adalah hutang (قرض)."²⁰⁶ Sarkhasi pula berpendapat: "Meminjam dirham, dinar dan fulus adalah hutang, kerana ianya adalah untuk dimanfaatkannya".²⁰⁷

Mereka yang berpendapat Akaun Semasa Wadiyah dengan kefahaman syariah yang sebenar berhujah dengan beberapa perkara:²⁰⁸

- i. Niat pendeposit adalah *wadī'ah* dan bukannya memberi hutang.
- ii. Bank tidak menerima barang *wadī'ah* atas dasar hutang kerana Bank mengenakan caj atas penjagaan.
- iii. Bank dilarang menggunakan harta tersebut sehingga Bank mampu memulangkannya seberapa segera apabila diminta.

Menjawab hujah-hujah ini, ia sebenarnya adalah hutang (قرض) sekalipun pendeposit tidak berniat memberi hutang. Wang yang di simpan di dalam Akaun

²⁰⁵ Hammad, Nazīḥ (1993), *Aqd al-Wadī'ah fī al-Syar'iyyah al-Islāmī*. Dimasyq: Dār al-Qalam, h.117.

²⁰⁶ Ibn Qudāmah (1985), *op.cit.*, J.5, h.131

²⁰⁷ al-Sarkhasi, Abū Bakr Muḥammad b Ahmad (1986), *al-Mabsūt*, J.11. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h.144-145.

²⁰⁸ al-Amin, Ḥassan 'Abd Allāh (1983), *al-Wadū' al-Masrafiyyah al-Naqdiyyah wa Ithmārihā fī al-Islām*. Jeddah: Dār al-Syārq, h.233-234

العُرْةُ فِي الْمَقْدُودِ) (فرض) dengan berdasarkan kacdah syar'iyyah

: "Yang di kira di dalam akad ialah maksud dan tujuan,

bukannya lafaz dan struktur".²⁰⁹ Sekalipun Bank menetapkan caj penjagaan, ia masih tetap dikira hutang kerana bank menyediakan akaun semasa adalah untuk keperluan mudah tunai. Bank juga dilarang menggunakan simpanan tersebut kerana memang pada kebiasaannya adalah bagi menghadapi kemungkinan pendeposit yang mengeluarkan wang mereka pada bila-bila masa.²¹⁰

Berdasarkan perbincangan di atas, kesimpulan dibuat bahawa Akaun Semasa tersebut adalah sebenarnya hutang. Tanggapan bahawa ia adalah merupakan *wadi'ah* yang sebenar adalah tidak tepat dan bertentangan dengan keputusan yang dikeluarkan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*²¹¹ dan juga para pengkaji kontemporari.

Walaubagaimanapun pakar-pakar ekonomi Islam di Malaysia berpendapat semua Akaun Wadiyah sama ada Semasa dan Simpanan, keuntungannya yang diberikan oleh bank-bank Islam adalah mengikut budi bicara bank berkenaan dan bukannya suatu janji. Wadiyah yang dilaksanakan adalah berkonsepkan *Yad Damanah*. Ini adalah kerana sebagaimana yang telah penulis jelaskan di dalam bab lepas bahawa penerima simpanan boleh menggunakan wang (harta) itu dengan syarat kalau

²⁰⁹ Haidar, 'Ali (t.t), *Durara al-Hukkām Syarḥ Majallah al-Ahkām*, J. I. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyin, h.18

²¹⁰ al-Taskhīrī, Muḥammad 'Alī (1996), "al-Wadā'i al-Maṣrafiyyah - Takyīfiḥā al-Fiqhī wa Ahkāmuḥā", *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, Bil 9, Jeddah, h.777-778.

²¹¹ al-Taskhīrī (1996), *ibid.*, h.39.

berlaku kehilangan atau kerosakan, penerima simpanan (bank) mesti membayar ganti rugi atas jumlah yang hilang.

Pada asasnya konsep *Wadiyah Yad Dhamanah* tidak terdapat didalam kitab-kitab fiqh dulu, tetapi ianya baru wujud seperti mana BBA yang bukanlah secara langsung tercipta dari zaman Rasulullah. Selain itu wujudnya hadis nabi s.a.w. yang berbunyi :

قال النبي صلى الله عليه وسلم : " المسلمين عند شروطهم "

Maksudnya:

Sabda Rasulullah s.a.w. " Orang-orang Islam adalah tertakluk dengan syarat yang mereka tentukan".

Oleh yang demikian, selagi mana syarat yang letakkan tidak bertentangan syariat Islam maka ianya boleh diterima pakai sebagai suatu kaedah.

B. Pengenaan caj bayaran Akaun Semasa

Bagi simpanan akaun ini, caj sebanyak RM10 dikenakan setiap 6 bulan sebagai upah perkhidmatan. Penulis beranggapan bahawa tidak ada halangan dengan berdasarkan beberapa perkara:²¹²

²¹²Lihat al-Ittiḥād al-Dawlī Li al-Bunūk al-Islāmiyyah (1982), *al-Mawṣū'ah al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah Li al-Bunūk al-Islāmiyyah*, J.5, h.161; Ibn Duraib, Sa'ūd b Sa'ad (1968), *al-Mu'amalat al-Masrafiyyah wa Mawqif al-Syar'i'ah al-Islāmiyyah Minhā*, t.p., h.50; al-Tayyār, 'Abd Allāh b Muhammad (1808H), *al-Bunūk al-Islāmiyyah Bayna al-Naẓariyyah wa al-Taḥbiq*. Burayrah: Nādi al-Qāsim al-Adabī, h.131; Tāyal, Mustafa Kamal (1988), *al-Bunūk al-Islāmiyyah - al-Manhaj wa al-Tatbiq*. Bank Faisal al-Islāmi, t.p., h.116-117

- i. Segala kerja yang dilaksanakan oleh jabatan dengan perantaraan pegawaiannya seperti penyediaan dokumen, penjagaan dan surat menyurat memerlukan upah dan bayaran. Bank menganggap upah terhadap kerja tersebut sebagai upah perkongsian (الأجر المشترك).²¹³
- ii. Apa yang dilaksanakan oleh jabatan ini adalah kerja sebenar yang diketahui oleh pendeposit. Jadi upahnya adalah halal selagi mana adanya perkhidmatan yang diberikan.

Di dalam muktamar perbankan Islam yang pertama yang diadakan di Dubai menyatakan: "Bank harus mengambil kira segala urusan kerja sama ada duti setem, bil telefon, faks dan sebaginya".²¹⁴

Walau bagaimanapun penulis berpendapat bank tidak perlu untuk mengenakan sebarang caj bagi menggalakkan penerimaan para pendeposit terhadap akaun ini.

C. Pemberian *hibah* kepada penyimpan Akaun Semasa

Seperti yang telah dinyatakan diatas dan juga di dalam Bab 3 bahawa bank dengan budi bicaranya memberikan sebahagian keuntungan kepada penyimpan. Jadi, apakah hukum *hibah* tersebut?

²¹³ (الأجر المشترك) : Kerja yang dilakukan untuk umum manusia seperti tukang cuci, penjaga sempadan dan sebagainya. Hukumnya adalah harus dan orang mengambil perkhidmatannya tidak boleh menghalangnya untuk dia berkhidmat dengan orang lain. Sila lihat al-Zuhaily, Wahbah (1996), *op.cit*, J.4, h.766.

²¹⁴ Lihat al-Ibādī, 'Abd Allāh (t.t), *Mawqif al-Syarī'ah Min al-Maṣārif al-Islāmiyyah al-Mu'aṣirah*, Dār al-Salam Li al-Tibā'ah wa al-Nasyr, h.200.

Imam Malik di dalam *al-Muwatta'* menyatakan bahawa tidak mengapa untuk memberi lebih apabila dia tidak meletakkan syarat ataupun sudah menjadi adat membayar lebih, jika sekiranya meletakkan syarat, maka hukumnya adalah makruh.²¹⁵ Sayūtī di dalam kitabnya *al-Asy'bāh wa al-Nazā'ir* menyatakan: "Kalau sekiranya sudah menjadi kebiasaan pemutang membayar dengan lebih, maka apakah ia menjadi suatu syarat, dan haram hutang itu? Terdapat dua pendapat dan pendapat yang lebih *asah* menyatakan tidak."²¹⁶ Ibn Qudāmah pula berpendapat: "Sekiranya seseorang itu sudah dikenali dengan baik pembayarannya, tidak makruh untuk memberi hutang kepadanya".²¹⁷

Para fuqaha semasa mempunyai dua pendapat di dalam masalah ini:²¹⁸

- i. Pendapat pertama mengharuskan pemberian ini dengan syarat tidak ditentukan kadar jumlah serta jaminan. Pendapat ini dikemukakan oleh Syaykh Muhammad 'Alī al-Taskhīrī.
- ii. Pendapat kedua tidak mengharuskan pemberian ini apabila telah menjadi adat dan kebiasaan. Pendapat ini dikemukakan oleh al-Qādi Muḥammad Taqī al-Uthmānī dan Syaykh al-Sadiq al-Darīr dan lain-lain.

²¹⁵ Ibn Ānas, al-Imām Malik (1998), Khalīl Maḥmud Syihān (ed.), *al-Muwatta'*, J.2. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h 207.

²¹⁶ al-Sayūtī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān b Abū Bakr (1998), *al-Asy'bāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Fiqh al-Syāfi'iyyah* (ed.) Muḥammad Ḥassan al-Syāfi'i, J.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h 213.

²¹⁷ Ibn Qudāmah (1985), *op.cit.*, J.4, h.212.

²¹⁸ al-Taskhīrī (1996), *op.cit.*, Bil. 9, J.1, h.890,897, 900, 909, 910 ; Hark, Abū al-Majd (t.t), *al-Bunūk al-Islamiyyah - Mā lahā wa mā 'ala hā*. Kaherah: Dar al-Šahwah li al-Nasyr, h.120.

Pendapat kedua ini -waallahu a'lam- mempunyai pandangan bahawa ia termasuk dalam kaedah (المعروف عرف كالشرط شرط) : "Yang diketahui umum sebagai suatu urf seperti suatu syarat yang disyaratkan". Selain daripada itu, kemungkinan juga ia memberi hutang kepada bank dengan bertujuan untuk mendapat pulangan yang lebih dan bank membayar lebih bertujuan supaya masyarakat memberi hutang kepadanya, maka semua ini termasuk di dalam pengertian riba yang diharamkan.²¹⁹

Bagi menghilangkan perkara syubhah ini adalah dirasakan lebih baik mengambil pendapat kedua walaupun di sana terdapat pendapat yang membolehkannya. Keputusan ini adalah lebih selamat berdasarkan status muslim yang bimbang terjerumus ke dalam perkara-perkara syubhah.

4.2.1.2 Akaun Simpanan Wadiyah²²⁰

Akaun Simpanan Wadiyah juga berasaskan kepada Wadiyah Yad Dhamanah. Hanya terdapat sedikit perbeaan dengannya dengan Akaun Semasa. Antara ciri-ciri Akaun Simpanan Wadiyah ialah:²²¹

²¹⁹ al-Miṣrī, Rafīq Yūnus (1991), *op.cit.*, h.273.

²²⁰ Lihat Lampiran 9.

²²¹ http://www.maybank2u.com/other_services::Islamic_banking>maybank>deposit_products>wadiyah_account

- i. Bank menerima deposit daripada penyimpan yang inginkan penjagaan selamat dan kemudahan penggunaan wang mereka dalam bentuk Akaun Simpanan di bawah prinsip *al-Wadi'ah*.
- ii. Bank meminta keizinan penyimpan-penyimpan untuk menggunakan wang mereka selama mana wang itu tersimpan dengannya.
- iii. Penyimpan-penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau semua baki simpanan pada bila-bila masa yang mereka kehendaki, dan dalam hal ini Bank memberi jaminan untuk mengembalikan baki tersebut.
- iv. Semua keuntungan daripada penggunaan dana tersebut adalah menjadi hak Bank. Bankboleh mengikut budi bicaranya memberikan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada penggunaan baki Akaun Simpanan kepada penyimpan-penyimpan berkenaan. Kebiasaannya pemberian ini lebih banyak berbanding dengan Akaun Semasa.
- v. Bank memberi Buku Simpanan dan khidmat-khidmat biasa lain yang berkaitan dengan Akaun Simpanan kepada penyimpannya.
- vi. Kelayakan untuk membuka akaun ini diberi kepada semua individu, syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan dan kelab-kelab, kanak-kanak yang berumur bawah 12 tahun (Akaun Amanah) dan juga yang berumur 18 tahun ke bawah yang mempunyai kad pengenalan (Akaun Remaja)

- vii. Deposit minimum bagi Akaun Amanah dan Akaun Remaja ialah RM1, begitu juga akaun untuk membuat pembayaran bulanan, manakala akaun-akaun lain bagi orang dewasa ialah RM250.
- viii. Overdraft tidak diberikan kepada pelanggan sepetimana yang telah diberikan kepada pemegang Akaun Semasa.

Analisis syariah terhadap Akaun Simpanan Wadiyah

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, Akaun Simpanan Wadiyah ini adalah sama dengan analisis terhadap Akaun Semasa Wadiyah yang dibincangkan tadi. Ia sebenarnya berdasarkan hutang. Harta *wadi'ah* sekiranya ianya merupakan jenis hangus atau habis, maka ia adalah hutang (*qard*). Walau bagaimanapun di Malaysia konsep *wadi'ah* ini telah dikembangkan lagi menjadi *Wadiyah Yad Dhamanah* bagi membolehkan transaksi seperti ini boleh dilaksanakan. Penulis secara peribadi melontarkan satu persoalan kenapa wujudnya perbezaan pendapat di antara ulama Timur Tengah dengan pakar-pakar ekonomi di Malaysia sedangkan sumber yang diambil adalah sama?

4.2.1.2 Akaun Pelaburan²²²

Maybank menawarkan dua jenis Akaun Pelaburan Mudharabah iaitu Akaun Pelaburan Mudharabah Am (GIA) dan Akaun Pelaburan Mudharabah Khas (SIA).²²³

a) Akaun Pelaburan Mudharabah Am (GIA)

Antara ciri-ciri akaun ini ialah:

- i. Bank menerima wang dari pelanggan yang ingin melaburkan wang di dalam bentuk Akaun Pelaburan Mudharabah Am berdasarkan prinsip *al-Mudārabah*.
- ii. Pelaburan hendaklah dibuat di dalam tempoh yang tertentu. Bank menerima deposit bagi bagi tempoh-tempoh tertentu sama ada 1, 3, 6, 9, 12, 15, 18, 24, 36, 48, 60 bulan dan ke atas.
- iii. Mengikut kaedah syariah, Bank bertindak sebagai pengusaha dan pelanggan sebagai pemilik modal. Kedua-duanya bersetuju membahagi keuntungan yang diperolehi dari usaha Bank melaburkan wang berkenaan. Pada masa ini Bank menawarkan nisbah pembahagian untung pada kadar 75 peratus kepada

²²²Sila Lihat Lampiran 10.

²²³[Http://www.maybank2u.com/other_services::Islamic_banking>maybank>deposit_products>mudharabah_investment_account](http://www.maybank2u.com/other_services::Islamic_banking>maybank>deposit_products>mudharabah_investment_account)

- pelanggan dan 25 peratus kepada Bank. Nisbah pembahagian untung ini boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa.
- iv. Jika pelaburan tersebut mengalami kerugian, pelanggan akan menanggung kesemua kerugian tersebut.
 - v. Pelanggan tidak mencampuri di dalam pengurusan pelaburan wang tersebut.
 - vi. Deposit minimum bagi pelaburan tempoh 1 bulan ialah RM5000, manakala 3 bulan keatas ialah RM1000.
 - vii. Kelayakan pelanggan sama ada beragama Islam atau tidak yang berumur 18 tahun ke atas dan juga syarikat-syarikat, kelab-kelab atau pertubuhan.

b) Akaun Pelaburan Mudharabah Khas (SIA)

Secara umumnya Akaun Pelaburan ini mempunyai persamaan dengan Akaun Pelaburan Mudharabah Am (GIA). Hanya terdapat beberapa ciri tertentu sahaja yang membezakannya. Di antara ciri-ciri tersebut ialah seperti berikut:

- i. Maksimum pemilikan harta ialah selama 1 tahun.
- ii. Deposit minimum ialah RM50,000.
- iii. Peratus pembahagian keuntungan boleh dirundingkan.

Analisis Produk Akaun Pelaburan Mudharabah

A. Ketepatan Akaun Pelaburan Mudharabah dengan akad *mudārabah* di dalam Islam

Di dalam bab lepas penulis telah membincangkan prinsip *al-Mudārabah* mengikut Islam dengan cukup panjang lebar. Akad *al-Mudārabah* adalah suatu akad yang diharuskan di dalam Islam dan ini diperkuatkan lagi dengan dalil pensyariatannya sama ada dari al-Quran, hadis dan juga ijma' ulamak.

Sekiranya diteliti terhadap produk Akaun Pelaburan Mudharabah Am (GIA) dan juga Akaun Pelaburan Mudharabah Khas (SIA) mengenai prinsip dan juga cara pelaksanaannya ianya menepati dengan kaedah syariah yang ditetapkan.

Kalau kita perhatikan kepada rukun *al-mudārabah*, kesemua rukun yang lima ada terdapat di dalam transaksi perjalanan produk tersebut. Pelanggan sebagai pelabur dan bank sebagai pengusaha, keuntungan yang disepakati dan juga sifat di antara kedua-duanya. Oleh itu, kedua-dua akaun pelaburan ini boleh dan selamat untuk dilanggani berdasarkan maklumat yang dapat dianalisis.

B. Pelaburan untuk tempoh yang tertentu

Berdasarkan keterangan di atas, pelaburan di dalam Akaun Pelaburan Mudharabah Am (GIA) hendaklah dibuat dalam tempoh tertentu di antara 3 bulan dan 60 bulan.

Penulis berpendapat yang ianya tidak menjadi suatu halangan jika ditetapkan tempoh pelaburan untuk jangka masa tertentu. Walaupun demikian, juga timbul masalah berhubung dengan penetapan tempoh pelaburan kerana mazhab Ḥanafī dan juga mazhab Ḥambalī mengharuskannya, manakala mazhab Ḍāli, mazhab Syāfi'īe dan mazhab Zāhirī tidak mengharuskannya.²²⁴

Di dalam *Kitāb Badā'i' Ṣanā'i'* menyatakan: "Dan kalau seseorang itu mengatakan: Ambillah harta sebagai mudharabah sehingga setahun, maka harus disisi kami". Manakala Imām Syāfi'īe *rahmatullāh 'alaih* berkata: "Mudārabah adalah fasid".²²⁵

Akan tetapi sekiranya diperhatikan didalam praktikal perjalanan operasinya, tempoh yang berbilang-bilang ini tidak menggambarkan setiap pelaburnya bersendirian dengan bank, malahan berkongsi dengan para pelabur lain. Dengan demikian ia boleh merosakkan akad tersebut dengan adanya unsur orang ketiga setelah kerja bermula. Di dalam kitab *al-Mughnī* ada menyebut sekiranya seseorang itu menyerahkan sebanyak 1000 sebagai *mudārabah*, kemudian seseorang yang lain pula menyerahkan 1000 sebagai *mudārabah*, dan mereka

²²⁴ Lihat al-Kāsānī, 'Alā al-Dīn Abū Bakr b Mas'ūd (1992), *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Syarā'i'*, J6. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h.99; Ibn Jawzī, Abū al-Qāsim Muhammad b Ahmad (t.t.), *al-Qawāniḥ al-Iqhiyyah*. Beirut: Dār al-Qalam, h.186; al-Ramli, Syams al-Dīn Muhammad b Abū al-'Abbas Ahmad b Hamzah (1992), *Nihāyah al-Muhtāj dā Syarh al-Minhāj*, J.5. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h.225; Ibn Qudāmah, Mawfiq al-Dīn Abū Muhammad 'Abd Allāh b Ahmad b Muhammad al-Maqdīsi (1982), *al-Kāfi fī Fiqh al-Imām al-Mubajah* Ahmad b Hanbal, J.2. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h.270; Ibn Ḥazm, 'Alī b Ahmad (t.t.), *al-Muḥallā bi al-Āthār*, J.8. Beirut: Dār al-Āfiq al-Jadīdah, h.287

²²⁵ al-Kāsānī, (1992), *op.cit.*

bersetuju mencampurkannya sebelum kerja-kerja bermula, maka hukumnya harus. Sekiranya selepas kerja-kerja dilaksanakan maka hukumnya tidak harus.²²⁶

Namun demikian, dirasakan adalah lebih baik mengambil cadangan salah seorang pengkaji semasa dalam hal ini yang mana menyatakan ianya merupakan urusan atau kontrak yang berasingan di mana kira-kira untung dan rugi adalah di antaranya dengan pihak bank.²²⁷ Selain itu juga, setiap pelanggan mempunyai akaun masing-masing yang menyatakan urusan dan transaksi berkaitan. Justeru itu penulis berpendapat ianya boleh dilakukan dan bertepatan dengan kehendak syariah.

C. Pembatalan kontrak sebelum sampai tempoh

Berdasarkan apa yang telah dijelaskan, pemodal tidak akan mendapat apa-apa keuntungan sekiranya membatalkan kontrak sebelum sampai tempoh pelaburan yang ditetapkan. Syarat ini sebenarnya telah ditetapkan sebelum wujudnya persepakatan di dalam akad *muḍārabah*.

Syarat ini agak terlalu umum tanpa menyatakan sebarang keadaan rugi atau untung semasa penarikan diri dibuat. Jika sekiranya penarikan diri dibuat semasa sebarang keuntungan belum dapat diketahui, maka ianya tidak menjadi suatu

²²⁶ Ibn Qudāmah (1985), *op.cit*, J.5, h.36

²²⁷ al-Šāwī, Muhammad Ṣolāḥ Muḥammad (1990), *Musykilah al-Istithmār fi al-hunūk al-Islāmiyyah wa Kayfa 'Ālijuhā al-Islām*. Mansūrah: Dār al-Wafā', h.602.

kesamaran dari segi syariah. Akan tetapi bagaimana pula jika sekiranya pembatalan kontrak dibuat setelah diketahui keuntungan yang diperolehi. Sebagai contohnya, jika seseorang itu bersetuju untuk melabur untuk tempoh setahun, kemudiannya menarik diri setelah enam bulan berlalu, maka bank akan membahagikan keuntungan yang diperolehi sehingga tarikh penarikan dirinya.

Majlis Fatwa dan Pengawasan Syariah Kuwait ketika ditanya hukum mengenainya menyatakan yang pendeposit berhak mendapat keuntungan yang diperolehi sekiranya ada.²²⁸ Dalam hal ini juga, Maybank akan membayar keuntungan jika sekiranya berlaku pembatalan kontrak dan setelah keuntungan yang diperolehi dapat diketahui.²²⁹ Oleh yang demikian, apa yang berlaku dan dilaksanakan di Maybank adalah dibolehkan di dalam Islam.

D. Bank mengadakan *mudārabah* dengan pihak lain

Bank yang memperolehi harta daripada para pelabur akan melaburkan semula kepada pihak yang lain. Di sini penulis berpendapat bahawa ianya tidak menjadi halangan berdasarkan model mudharabah yang dikemukakan oleh Muhammad Uzair dalam lapis kedua. Masalah yang timbul di sini ialah bank sebagai pengusaha menyerahkan harta kepada pihak lain untuk diusahakannya. Mazhab Hanafi berpendapat harus al-Kāsānī berpendapat di dalam kitabnya *Badā'i' al-*

²²⁸ 'Abd al-Basit, Badr Mutawalli (1985), *al-Fatāwā al-Syar'iyyah fī al-Masa'il al-Iqtiyyah*, J 1. Kuwait: Bayt Tamwil al-Kuwayti, h.86.

²²⁹ Kikitangan Maybank Cawangan Perbankan Islam Kota Bharu, temuramah pada 3 April 2002.

Saṇā'ī menyebut: "...maka adapun apabila seseorang itu berkata kepada pengusaha; Kerjakanlah dengan cara kamu, lalu dia menyerahkan harta tadi kepada pengusaha lain."²³⁰

Manakala jumhur berpendapat tidak harus melainkan keizinan khas diberikan oleh pemodal. Imam Malik berkata: "Pengusaha tidak boleh melakukan *muqāradah* dengan orang lain melainkan dengan perintah pemodal".²³¹ *Rawdah* menyebut: "Sekiranya melakukan *muqāradah* dengan tanpa izin pemilik, maka hukumnya fasid".²³² Manakala *al-Mughnī* menyatakan: "*Mudārib* tidak boleh menyerahkan harta kepada orang lain sebagai *muḍārabah*".²³³

Berdasarkan nas fiqh di atas, maka apa yang dilakukan oleh pihak bank adalah berdasarkan pendapat fuqaha sama ada pendapat Hanafi yang mengharuskan penyerahan secara umum ataupun berpegang kepada pendapat jumhur yang mensyaratkan keizinan yang sememangnya diketahui bahawa pihak bank akan menjadi pengusaha dan dalam masa yang sama akan menjadi pemodal atau disebut lapis kedua sebagaimana yang telah kita bincangkan di dalam bab lepas. Oleh yang demikian, penulis berpendapat tindakan pihak bank yang menjadi pengusaha dan dalam masa yang sama menjadi pemodal adalah diboleh dan haruskan.

²³⁰ al-Kāṣāñī (1992), *op.cit.*, h.97

²³¹ Ibn Ānas, Imām Mālik (t.t), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, J 5. Beirut: Dār Ṣādir, h.104.

²³² al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā b Syarif (t.t), *Rawdah al-Jālibīn*, taḥqīq 'Adil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd dan 'Alī Muḥammad Mu'awwad, J.4. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h.211.

²³³ Ibn Qudāmah (1985), *op.cit.*, J.5, h.28.

4.2.2 Operasi Perbankan : Pembiayaan

Jenis-jenis pembiayaan BBA²³⁴

- i. Pembiayaan Perumahan
- ii. Pembiayaan Projek
- iii. Pembiayaan Perniagaan
- iv. Pembiayaan Berjangka
- v. Kemudahan Overdraft Secara Islam (al-Tamwil)

Cara pembiayaan BBA dijalankan²³⁵

- Pihak Bank akan meneliti permohonan pelanggan untuk pembiayaan harta/aset mengikut kelayakan mereka, tempoh dan cara pembayaran balik.
- Pihak Bank kemudiannya akan membeli harta/aset berkenaan.
- Harta tersebut akan dijual oleh pihak Bank kepada pelanggan tersebut mengikut harga jualan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Harga jualan tersebut termasuk harga belian harta/aset serta keuntungan Bank.
- Pelanggan akan membayar secara ansuran mengikut tempoh pembayaran yang telah dipersetujui.
- Bayaran ansuran adalah tetap sepanjang tempoh pembiayaan.

²³⁴Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank. Sila Lihat Lampiran II.

²³⁵Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank.

Analisis produk mengikut syariah

Sekiranya diperhatikan kepada penerangan lalu, produk ini sebenarnya berasaskan kepada *Bay' al-Murābahah*. Pelanggan yang berkehendakkan harta/aset akan meminta pembiaya (bank) membeli dan berjanji akan membeli harta tersebut. Penulis akan membuat analisis daripada beberapa aspek berikut:

A. Ketepatan amalan *Bay' Murābahah* mengikut syariah

Di dalam bab lepas penulis telah membincangkan *Bay' Murābahah* secara terperinci. *Bay' Murābahah* bermaksud perjanjian antara dua pihak di mana pihak pembiaya (bank) akan membeli barang yang dipesan oleh pelanggan yang memerlukan pembiayaan bagi maksud pembelian tersebut, kemudian menjualkannya semula kepada pelanggan tadi dengan suatu akad yang baru pada satu tingkat harga yang telah dipersetujui dengan margin keuntungan yang di persetujui bersama. Urusan jual beli ini mengandungi beberapa unsur seperti berikut:²³⁶

- i. Pelanggan memohon pembelian melalui pembiaya dengan kadar harga yang telah ditentukan dan juga sifatnya;
- ii. Pembiaya membeli harta/aset tersebut secara tunai, dan menjual semula kepada pelanggan tadi secara tunai atau bertempoh;
- iii. Persetujuan harga dan keuntungan yang telah dipersetujui;

²³⁶ al-Hītī, 'Abd al-Razzaq Rahīm Jādī (1993), "al-Maṣārif al-Islāmiyyah Bayna Nazariyyah wa al-Taṭbīq", Risālah Ph.D, Kulliyah al-'Ulūm al-Islāmiyyah, Jam'iyyah Baghdād, Baghdād, h.419.

- iv. Pelanggan telah berjanji akan membeli harta/aset tadi setelah dibeli oleh pembiaya.

Sebagai kesimpulannya, kalau sekiranya dilihat kepada ciri-ciri produk ini, keempat-empat unsur di atas telah dipenuhi. Maka produk ini telah menepati dengan akad *murābahah* yang betul.

B. Penangguhan pembayaran ataupun secara ansuran

Persoalan hukum jualan secara bertangguh itu harus dan tidak dipertikaikan lagi oleh kesemua ulama, cuma apa yang berlaku perselisihan pendapat ialah tentang penambahan harga apabila barang itu dijual secara bertangguh.

Berdasarkan produk ini, pelanggan boleh membuat pembayaran secara berttempoh seperti yang telah dipersetujui berserta keuntungan. Jadi, bagaimanakah pendirian syariat Islam terhadap perkara ini?

Para fuqaha telah berselisih kepada dua pendapat sebagaimana berikut:

- i. Pendapat jumhur yang mengharuskan.²³⁷
- ii. Pendapat yang tidak mengharuskannya. Mereka terdiri dari Zain al-'Ābidīn 'Alī b. al-Hassān, Nāṣir dan al-Mansūr Billāh,

²³⁷ Lihat al-Syawkānī, (1998), op.cit., h.172.

Hadawiyyah, Imām Yahyā²³⁸ dan Abū Bakr al-Rāzī al-Jassās.²³⁹

Perselisihan pendapat ini adalah disebabkan penambahan harga apabila dijual secara bertangguh. Mereka yang mengiyaskan penambahan harga itu sama seperti penambahan pada hutang kerana bertangguh berpendapat sebagai haram, manakala mereka yang tidak mengibaratkan perkara demikian menghalal atau mengharuskannya.²⁴⁰

Para jumhur berpendapat bahawa transaksi ini dibenarkan oleh syarak dengan bersandarkan kepada kefahaman umum ayat 275 Sūrah al-Baqarah. Manakala dalil daripada sunnah pula sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh 'Abd Allāh b. 'Amru:²⁴¹

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أمره أن يجهز جيشاً فنفت الأبل
فأمره أن يأخذ على قلاص الصدقة فكان يأخذ العير بالبعيرين إلى
إبل الصدقة

²³⁸Lihat al-Murtadā, Ahmad b Yahyā (1975), *Kitāb al-Bahr al-Zagr al-Jamī' li Madhāhib Ḥilmā'* al-Amṣār, (ed.) 'Abd Allāh Muḥammad al-Ṣadiq dan 'Abd al-Ḥafīẓ Sa'd 'Atīyyah, J 2. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. ض.

²³⁹al-Syawkānī (1998), *op.cit* , h.173.

²⁴⁰Lihat al-ibrāhīm, Muḥammad 'Uqlah (1987), *Hukm Bay' al-Taqṣīt fī al-Syā'i'ah wa al-Qānum* Amman: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, h.85

²⁴¹Riwayat Abū Daud, *Kitāb al-Buyū'*, Bāb fī al-Rukhsah (Bay' al-hayawān bi al-hayawān nasi'ah), hadis 3357, J.5, h.250, al-Zaylā'i, Jamāl al-Dīn Abū Muḥammad 'Abd Allāh (1997M/1418H), *Nash al-Rāyah li Ahādīth al-Hidāyah*, J.4. Jeddah: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, h.47.

Maksudnya:

"*Bahawa Rasulullah s.a.w memerintahnya menyediakan tentera, akan tetapi unta tidak ada, lalu diperintahkan supaya mengambil unta yang muda, maka diambil seekor unta dengan bayaran dua ekor unta*"

Berdasarkan *ma'qūl* pula, para jumhur berpendapat bahawa asal bagi sesuatu akad ialah harus bersandarkan kaedah umum fiqh **الأصل في الأشياء الإباحة** selegi mana tidak ada nas yang *qat'i* jelas mengharamkannya.

Berhubung dengan ini juga terdapat fatwa dari *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* yang diputuskan oleh Daurah Muktamar ke-6 yang diadakan di Jeddah, Saudi pada 14-20 Mac 1990 yang menyokong pendapat jumhur yang mana mengharuskan pertambahan harga pada pembayaran bertempoh sebagaimana harus menyebut harga tunai atau harga ansuran yang tempohnya diketahui. Walaupun demikian, akad ini tidak sah sekiranya tiada kata putus diantara kedua-dua pihak sama ada jualan itu secara tunai atau bertempoh.²⁴²

Oleh itu pelanggan mestilah memastikan sama ada mahu membeli secara tunai atau bertempoh. Sebagai kesimpulan apa yang dilaksanakan di Maybank adalah harus dan dibolehkan. Ini adalah kerana Maybank menjual dengan margin keuntungan yang disepakati dan kepastian daripada pelanggan membuat pilihan sama ada secara tunai atau bertempoh.

²⁴² *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* (1998), *Qarār wa Tawṣīyat Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, ta'liq 'Abd al-Sattār Abū Ghādah. Dimasyq. Dār al-Qalam, h.109.

C. Pengurangan jumlah bayaran disebabkan pembayaran segera

Masalah ini sebenarnya ada hubung kait dengan persoalan *Da' wa Ta'ajjal*²⁴³ kerana kedua-duanya melibatkan unsur hutang. Masalah mengurangkan hutang oleh si pemutang bagi hutang yang ditanggung oleh si penghutang sama ada hutang itu berpunca daripada urusniaga jual beli ataupun pinjaman, kerana *taharru'* tanpa apa-apa syarat atau persetujuan lain disebaliknya adalah suatu perbuatan yang amat digalakkan dalam Islam. Namun sekiranya pengguguran tuntutan sejumlah hutang itu kerana tujuan supaya dipercepatkan bayarannya, ulama berselisih pendapat mengenai hukumnya.²⁴⁴

Perselisihan pendapat ulama itu dapat dikelaskan kepada beberapa pendapat:

- i. Ibn 'Abbās, Zufar dan dipilih juga oleh Ibn Taymiyyah dan anak muridnya Ibn Qayyim menyatakan ianya harus secara mutlak.²⁴⁵
- ii. Ibn 'Umar, Mālik, Abū Hanīfah, Thawrī dan segolongan fuqaha berpendapat urusniaga tersebut tidak harus dilakukan secara mutlak.²⁴⁶
- iii. Setengah ulama Ḥanafī dan Syāfi'iye mengatakan urusniaga ini harus bagi kes hutang hamba yang *mukātab* sahaja kerana ia

²⁴³ Sila lihat maksud istilah ini dalam bab 3 yang telah lepas, h.105.

²⁴⁴ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h.423.

²⁴⁵ Ibn Rusyd, Abū al-Walīd Muḥammad b Ahmad (1996), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtashid*, tāḥiq 'Alī Muhammād Mu'awwadh and 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, J 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.525.

harga itu setara (bahan pertukaran) dengan tempoh atau masa yang disegerakan itu.²⁴⁷

- iv. Mazhab Syāfi'i dan Ibn Ḥazm al-Zāhirī membezakan di antara adanya atau tidak ada syarat. Harus jika tidak ditetapkan apa-apa syarat dan tidak harus jika ditetapkan syaratnya.²⁴⁸

Ibn Rusyd di dalam kitabnya menyatakan sebab perselisihan adalah kerana pertentangan hadis dengan qiyas menyamai penambahan dalam hutang.²⁴⁹ Asas bagi mereka yang tidak mengharuskan *Da' wa Ta'ajjal* adalah kerana menyamai penambahan di samping pandangan al-Majma' yang mengharamkannya. Penambahan tersebut disebabkan faktor bertangguh yang tidak mempunyai tukarannya. Mereka yang mengharuskannya pula berasaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَا أَمْرَ بِإِخْرَاجِ بَنِي النَّضِيرِ جَاءَ نَاسٌ مِّنْهُمْ فَقَالُوا : يَا نَبِيَّ اللَّهِ ، إِنَّكَ أَمْرَتَ بِإِخْرَاجِنَا وَلَنَا عَلَى النَّاسِ دِيْوَنٌ لَمْ تَحْلِلْ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : (صَعُوا وَتَعَجَّلُوا) .

Maksudnya:

Bahawa Nabi s.a.w memerintahkan Bani Nadir keluar dari Madinah, mereka datang memberitahu Baginda: "Wahai Nabi Allah, kamu memerintahkan kami keluar sedangkan kami masih menanggung hutang yang belum dijelaskan". lalu Rasullullah bersabda: "Kamu boleh buat *Da' wa Ta'ajjal*".

²⁴⁷ Ibn Qudāmah (1985), *op.cit.*, J.4, h.56. Lihat juga al-Sarkhasī (1986), *op.cit.*, J.13, h.126.

²⁴⁸ Ibn Ḥazm (t.t), *op.cit.*, J.8, h.83; al-Subkī, Abū al-Ḥasan Taqī al-Dīn 'Alī b 'Abd al-Kāfi (t.t), *Fatāwā al-Subkī*, J.1. Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h.351.

²⁴⁹ Ibn Rusyd (1996), *op.cit.*

Majlis *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* yang bersidang di Jeddah pada 9-14 Mei 1992 telah membuat ketetapan bahawa potongan daripada hutang yang bertangguh kerana mempercepatkan pembayarannya sama ada diminta si pengutang mahupun si pemutang (*Da' wa Ta'ajjal*) adalah harus. Ia tidak termasuk di bawah hukum riba yang diharamkan apabila urusniaga ini tidak diasaskan pada persetujuan awalan dan selagi hubungan kedua-dua pihak itu merupakan hubungan dua pihak yang tidak melibatkan pihak ketiga.²⁵⁰

Bagi menjelaskan lagi kes ini, satu contoh dibawa. Katakan seorang pelanggan yang membeli rumah dengan harga RM180,000 dari bank termasuk margin keuntungan RM80,000. Pembayaran balik jumlah RM180,000 ini dalam tempoh 15 tahun atas kadar RM1,000 sebulan. Selepas 2 tahun pelanggan tadi ingin membayar balik pembiayaan tersebut, jadi adakah dia dikehendaki membayar balik baki sebanyak RM156,000? Dalam isu ini, pembiaya dibenarkan untuk memberi *muqāṣah* (*rebate*) kepada pelanggan untuk mengurangkan jumlah yang harus dibayar balik. Dalam contoh kita, sekiranya Bank menganggap bahawa margin keuntungan yang munasabah bagi 2 tahun ialah RM15,000, *muqāṣah* yang akan diberi kepada pelanggan ialah sebanyak RM65,000, dikira seperti berikut:²⁵¹

²⁵⁰ Majma' al-Fiqh al-Islāmī (1998), *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, Bil 7, J 2. Jeddah: Majmuk Fiqh al-Islāmī, h.217-218.

²⁵¹ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.81.

	RM
Harga belian rumah	100,000
Margin keuntungan	<u>15,000</u>
	115,000
Jumlah yang telah dibayar balik	-
Jumlah yang perlu dibayar balik	<u>24,000</u>
	<u>91,000</u>
	RM
Baki jumlah mengikut perjanjian asal	156,000
Baki jumlah mengikut pengiraan baru	<u>91,000</u>
<i>Muqasah</i>	<u>65,000</u>

Berdasarkan *pentarjihan* yang dibuat di atas, penulis lebih berpendapat bahawa urusniaga ini kurang selamat dari segi syariatnya. Ini adalah kerana potongan ini telah menjadi suatu adat dan kebiasaan sekiranya bayaran balik dijelaskan sebelum sampai tempohnya. Jadi muamalah ini tidak dibolehkan berdasarkan kaedah *المعروف عرف كالشروط شرعاً* (المعروف عرف كالشروط شرعاً).

D. Kemudahan Overdraft bagi penyimpan

Sebelum dibuat penganalisaan terhadap kemudahan ini, adalah baik kiranya suatu pengenalan terhadap overdraf diberikan. Overdraft merupakan pinjaman yang diberikan oleh pihak bank kepada penyimpan akaun semasa yang mana pinjaman ini adalah melebihi daripada nilai baki akaun penyimpan.²⁵² Kebiasaannya overdraf ini adalah untuk membayai modal pusingan dan urusniaga jangka pendek.

Pinjaman ini boleh diberikan tanpa cagaran atau dengan cagaran bergantung pada amaun pinjaman dan rekod kredit peminjam. Cagaran yang biasa diterima ialah deposit tetap, geran tanah dan cagaran lain yang diterima oleh bank. Pengiraan kadar faedah dilakukan secara harian dan kadar faedah pinjaman ini pada amnya melebihi daripada pinjaman lain seperti pinjaman berjangka. Setiap dua belas bulan, bank akan mengkaji kemudahan ini terhadap setiap pelanggan sama ada patut ditarik balik atau diteruskan.²⁵³

Para penyelidik telah bersepakat mengatakan bahawa overdraf di dalam perbankan konvensional adalah haram kerana ia melibatkan riba.²⁵⁴ Walau bagaimanapun, dalam sistem perbankan Islam, konsep pinjaman digunakan berasaskan konsep *al-Qard al-Hasan*. Konsep *al-Qard al-Hasan* merujuk kepada pinjaman tanpa faedah yang diberi untuk tujuan kebajikan. Muktamar Perbankan Islam pertama yang diadakan di Dubai pada tahun 1979 telah menetapkan bahawa ianya adalah harus.²⁵⁵

Namun begitu, Maybank telah menyediakan kemudahan Overdraf secara Islam (*al-Tamwīl*) yang dilaksanakan di bawah konsep *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) yang menawarkan tempoh pinjaman lebih panjang antara setahun hingga 10 tahun.

²⁵³ Abd. Ghafar Ismail & Surtahman Kastin Hasan, (1993), *Struktur dan Pengurusan Dana Bank Perdagangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.166.

²⁵⁴ Markaz al-Iqtiṣād al-Islāmī (t.t), *al-Khidmāt al-Masrafiyyah fī al-Masārif al-Islāmiyyah*, al-Masraf al-Islāmī al-Dawī li al-Istihmār wa al-Tanmiyah, (t.t.p), h.25.

²⁵⁵ Babilī, Mahmud Muhammad (1989), *al-Masārif al-Islāmiyyah-Darūrah Hatmiyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h.202.

Selain *al-Tamwil*, Maybank juga ada menyediakan pilihan lain dalam produk yang baru diperkenalkan iaitu Overdraft Murabahah (*Murabahah OD*), yang ditawarkan kepada semua pelanggan berasaskan tempoh pinjaman pendek iaitu tiga, enam, sembilan dan 12 bulan.

Menurut Ketua Bahagian Perbankan Islam Maybank, Md Ali Md Sarif, Murabahah OD menawarkan keuntungan yang sama dengan kadar pinjaman overdraf konvensional. Bagaimanapun, kadar keuntungan ditetapkan untuk satu tempoh tertentu, sementara pembayaran semula boleh dibuat sekali gus atau berdasarkan jadual tertentu pada tempoh yang dipersetujui.²⁵⁶

Oleh yang demikian, dengan berdasarkan kepada perbincangan mengenai prinsip yang diimplementan ke dalam kemudahan tersebut dan juga cara pelaksanaannya, penulis berpendapat bahawa apa yang dilaksanakan oleh jabatan perbankan Islam adalah menepati kehendak syarak.

4.2.3 Operasi Perbankan : Pembiayaan Perdagangan²⁵⁷

4.2.3.1 Kutipan Bil Wakalah (WBC)

i. Kutipan Bil Wakalah (WBC)

Kutipan Bil Wakalah atau *Wakalah Bill of Collection* (WBC) ini membantu pelanggan dalam menjelaskan kutipan/bayaran bagi barang yang

²⁵⁶ Berita Harian, 29 Oktober 2001

²⁵⁷ Sila Lihat Lampiran 11.

diimport/eksport.²⁵⁸ Perkhidmatan ini ditawarkan bagi semua urusan memungut harga cek, bil perintah bayar dan lain surat cara boleh niaga bagi pihak pelanggan dan untuk dikreditkan ke dalam akaun masing-masing. Perkhidmatan ini dijalankan dengan menggunakan prinsip *al-wakālah* di mana bank sebagai wakil untuk mengutip bil-bil bagi pihak pelanggan. Bayaran komisyen akan dikenakan ke atas semua urusan penjelasan suratcara ini, sama ada ianya tempatan atau luar negeri dan mengikut kadar yang berasingan.

ii. Cara perjalanan operasi²⁵⁹

- Bank bertindak sebagai ejen bagi pihak pelanggan di bawah konsep *al-Wakālah*.
- Bank akan menerima kesemua dokumen yang diperlukan termasuk arahan kutipan.
- Mekanisme transaksi sama seperti kutipan bil konvensional.
- Skim pembiayaan yang ditawarkan untuk bil tersebut:
 - a. Resit Amanah Murabahah (MTR) - untuk Kutipan Masuk (*Inward Collection*) sahaja.
 - b. Bil Penerimaan Cara Islam (IAB) - untuk Kutipan Masuk (*Inward Collection*) dan Kutipan Keluar (*Outward Collection*).
 - c. Pembiayaan Balik Eksport Kredit Cara Islam (IECR) - untuk Kutipan Masuk (*Inward Collection*) dan Kutipan Keluar (*Outward Collection*).

²⁵⁸Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank

²⁵⁹Maybank (1993), *Guidelines On Interest-free Banking Scheme*, h.13.

iii. Analisis produk Kutipan Bil Wakalah (WBC)

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa produk ini menggunakan prinsip *al-wakalah* yang mana telah dijelaskan di dalam bab lepas. Berdasarkan kepada operasi perjalanan instrumen ini, penulis berpendapat ianya adalah bertepatan dengan kehendak syariah. Produk ini adalah sama dengan produk Surat Kredit Wakalah (LCW) dari segi prinsip yang digunakan sebagaimana yang akan kita terangkan selepas ini.

4.2.3.2 Surat Kredit (LC)

Surat Kredit atau *Letter of Credit* (LC) ialah akuan tanggungjawab bertulis yang dikeluarkan oleh bank kepada penjual atau pengeksport yang mengakui bahawa bank akan membayar kepada penjual sejumlah tertentu yang tercatat dalam LC dengan syarat penjual itu mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam LC tersebut.²⁶⁰ Kemudahan dan khidmat ini biasanya diperlukan oleh pelanggan yang menjalankan perdagangan luar negeri. Perkhidmatan ini dapat melicinkan lagi urusan pembayaran wang antara pengimport dengan pengeksport. Maybank hanya menawarkan 2 jenis kemudahan surat kredit iaitu LC Wakalah dan LC Murabahah.²⁶¹

²⁶⁰Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *Islamic Banking Practice From The Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, h.100.

²⁶¹Brosur Pembinaaan & Pembinaaan Perdagangan Maybank, *op.cit.*

A. Surat Kredit Wakalah (LCW)

i. Surat Kredit Wakalah (LCW)

Surat Kredit Wakalah atau *Letter of Credit Wakalah* (LCW) merujuk kepada situasi dimana bank bertindak wakil atau agen kepada pelanggannya untuk membeli barang tertentu dari syarikat tertentu dengan membuat pembayaran seperti mana yang dipersetujui.

ii. Cara perjalanan operasi:

- Pelanggan menerima beritahu Bank mengenai keperluan surat kreditnya dan meminta Bank menyediakan kemudahan tersebut.
- Bank memerlukan pelanggan menyediakan deposit sepenuhnya mengikut harga barang yang hendak dibeli/import. Deposit tersebut diterima di bawah prinsip *al-Wadi'ah*.
- Bank mengenakan yuran dan komisen kepada pelanggan di atas perkhidmatan yang diberikan.

iii. Analisis produk Surat Kredit Wakalah (LCW)

Di dalam bab yang telah lepas penulis telah membincangkan prinsip *al-Wakalah* ini dari segi pengertiannya dari sudut fiqh dan juga dalil-dalil. Berdasarkan kepada transaksi perjalanan produk ini, maka tidak ragu-ragu lagi bahawa perjalannya adalah mengikut dan bertepekatan dengan prinsip muamalah Islam.

Produk yang dilaksanakan ini telah menepati keempat-empat rukun-rukun *al-wakālah* seperti mana yang telah kita terangkan di dalam bab lepas. Jadi tidak timbul lagi keraguan terhadap produk ini kerana wakalah sememangnya diharuskan di dalam Islam dengan berdasarkan dalil dari al-Quran, hadis dan juga ijma' sebagaimana yang telah kita bincangkan.

Jika kita perhatikan, Bank telah mengenakan yuran dan komisen ke atas pelanggan di atas perkhidmatan yang diberikan. Syarat ini termasuk dalam masalah *al-Wakālah bi al-Ujr* yang mana ianya adalah sah dan dibolehkan mengikut syarak. Ibn Jawzi di dalam kitabnya *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah* menyatakan menyatakan bahawa wakalah adalah diharuskan sama ada dengan *Ujr* (upah) ataupun tidak.²⁶² Secara kesimpulannya, apa yang telah dilaksanakan oleh Maybank adalah harus dan dibolehkan di dalam Islam.

B. Surat Kredit Murabahah (LCM)

i. Surat Kredit Murabahah (LCM)

Surat Kredit Murabahah atau *Letter of Credit Murabahah* (LCM) pula merujuk kepada situasi di mana pelanggan itu memerlukan pembiayaan untuk membeli barang dagangan atau bahan mentah. Pelanggan ini berkehendakkan LC bersekali dengan pembiayaan untuk sesuatu jangka masa tertentu.

²⁶² Ibn Jawzī, Abū al-Qāsim Muhammad b Ahmad (t.t), *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Qalam, h.281.

ii. Cara perjalanan operasi:

- Pelanggan memberitahu Bank mengenai keperluan surat kreditnya dan memohon kepada Bank supaya membeli/mengimport barang-barang yang diperlukan.
- Pelanggan bersetuju membeli barang tersebut sebaik sahaja diterima di bawah prinsip *al-Murābahah* (jualan dengan tambah untung).
- Bank mengeluarkan surat kredit dan membayar kepada bank perundingan dengan menggunakan dananya sendiri.
- Bank menjualkan barang tersebut kepada pelanggan pada harga jualan yang meliputi kos barang dan margin keuntungan di bawah prinsip *al-Murābahah*, untuk dijelaskan secara tunai atau melalui pembayaran tertangguh. Kebiasaan pembayaran dibuat dalam tempoh 30 hari, 90 hari, 120 hari, 180 hari, mengikut tempoh yang dipersetujui.

iii. Analisis produk Surat Kredit Murabahah (LCM)

Di dalam bab yang telah lepas penulis telah membincangkan prinsip *al-Murābahah* ini. Berdasarkan apa yang berjalan di Bank secara teorinya ianya menepati dengan kehendak prinsip muamalat Islam. *Bay' al-Murābahah* diharuskan oleh syarak dengan berdasarkan dalil dari al-Quran Surah al-Baqarah ayat 275 dan juga ijmak sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Kāṣāñī

bahawa: "...manusia telah mewarisi jual beli ini dalam setiap zaman tanpa ada sebarang bantahan dan itu adalah ijmak tentang keharusannya."²⁶³

Berdasar kepada urusniaga ini, jual beli ini dinamakan *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Syirā'* seperti yang telah kita bincangkan. Berhubung dengan ini, terdapat beberapa fatwa yang mengharuskan jual beli ini. Antaranya ialah ketetapan yang dikeluarkan oleh Muktamar Perbankan Islam ke-2 yang diadakan di Kuwait pada Mac 1983. Ketetapan tersebut adalah seperti berikut:²⁶⁴

يقرر المؤقر أن الموعدة على بيع المرابحة للأمر بالشراء ، بعد تلك
السلعة المشتراء ، وحيازها ، ثم يبعها لن أمر بشراءها بالربح المذكور
في الموعد السابق ، هو أمر جائز شرعا ، طالما كانت تقع على
المصرف الإسلامية مسؤولية أهلاك قبل التسليم ، وتبعثة الرد فيما
يستوجب الرد بعيوب الخفي ”

Muktamar menetapkan bahawa perjanjian Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Syirā', setelah barang menjadi hak milik pembeli dan dibawah jagaannya, kemudian menjualkannya kepada pelanggan yang meminta membelinya dengan harga termasuk margin keuntungan mengikut perjanjian adalah diharuskan oleh syarak, selama mana pihak bank bertanggungjawab di atas kerosakan sebelum barang diserahkan dan juga menerima pemulangan balik sekiranya terdapat sedikit kecacatan ('aih khafi).

²⁶³ al-Kāsānī (1992), *op.cit.*, J.5, h.220.

²⁶⁴ al-Qaradāwī, Yūsuf (1998), *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Syirā' Kamā Tajrīh al-Masārif al-Islāmiyyah*. Beirut: Muassah al-Risālah, h.12-13. Manakala fatwa lain yang mengharuskan urusniaga ini ialah:

- i. Fatwa *musytasyār bayt al-Tamwīl al-Kuwayti* al-Syaykh Badr al-Mutawalli 'Abd al-Bāsiṭ pada 4 Jamadil Akhir 1399H.
- ii. Fatwa *Mu'tamar al-Masraf al-Islāmī* yang pertama yang diadakan di Dubai pada Jamadil Akhir 1399H/Mei 1979M.
- iii. Fatwa *samāḥah* al-Syaykh 'Abd 'Azīz b Bāz dalam menjawab soalan yang diajukan kepadanya pada 16 Jamadil Akhir 1402H/10 April 1982M.
- iv. Ketetapan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* ke-5 yang diadakan di Kuwait pada 1-6 Jamadil Awal 1409H/10-15 Disember 1988M.

Sila lihat al-Qaradāwī, Yūsuf (1998), *ibid.*, h.11-14; *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, *op.cit.*, h.91.

Secara kesimpulannya berdasarkan transaksi perjalanan operasi ini sebagai mana yang berlaku di Bank adalah memenuhi kehendak syariah walaupun di sana ada terdapat beberapa keraguan, namun ianya belum cukup untuk dikatakan yang perkhidmatan ini tidak dibenarkan oleh syarak.

4.2.3.3 Resit Amanah Murabahah (MTR)

i. Resit Amanah Murabahah (MTR)²⁶⁵

Resit Amanah Murabahah atau *Murabahah Trust Receipt* (MTR) adalah kemudahan pembiayaan untuk membiayai dokumen perdagangan domestik atau antarabangsa yang berdasarkan kepada Surat Kredit Murabahah (LCM). Dengan adanya MTR ini, pelanggan boleh mengambil barang yang diimport serta-merta apabila barang itu tiba dan membuat pembayaran balik pada Bank di suatu tarikh yang dipersetujui.

ii. Cara perjalanan operasi²⁶⁶

- MTR juga dikenali sebagai Resit Amanah atau *Trust Receipt* (TR) mengikut perbankan konvensional.
- Ianya adalah untuk pembiayaan import/pembelian bil perdagangan sahaja seperti Kutipan Bil masuk (*Inward Collection Bills*) dan Surat Kredit Murabahah (*I.C. Murabahah*).

²⁶⁵Brosur Pembiayaan & Pembinaan Perdagangan Maybank, *op.cit.*

²⁶⁶Maybank (1993), *op.cit.*, h.6.

- Konsep pembiayaan yang digunakan ialah prinsip *al-Murâbahah*.
- Bank akan melantik pelanggan sebagai ejennya untuk membeli barang yang diperlukan bagi pihaknya dan menjelaskan bayaran dari tabungnya.
- Bank seterusnya menjual barang tadi kepada pelanggan pada harga yang dipersetujui. Harga jualan mengandungi harga belian dicampur dengan margin keuntungan.
- Diwaktu menerima kewangan pelanggan perlu menjalankan kandungan draf dan nota kontrak dalam transaksi pembelian.
- Pelanggan hendaklah menjelaskan Harga Jualan secara tertangguh di antara 30 hingga 180 hari.
- Untuk memperolehi margin keuntungan bank, kadar keuntungan digunakan dalam transaksi. Kadar keuntungan dikenali sebagai "Kadar Murabahah" (*Murabahah rate*).
- Bank boleh memberikan rebet (*muqâsah*) untuk pra-bayar.

iii. Analisis produk perkhidmatan Resit Amanah Murabahah (MTR)

Berdasarkan kepada cara perjalanan operasi produk di atas, pihak bank telah menggunakan Resit Amanah (TR) yang berlandaskan konvensional yang mana produk tersebut telah diubahsuai menjadi produk yang menggunakan prinsip muamalah Islam. Di dalam prinsip muamalah Islam, akad yang sah dan cukup syaratnya merupakan elemen penting dalam transaksi.

Prinsip *murābahah* yang digunakan adalah merupakan suatu yang dibolehkan di dalam syariat Islam yang mana telah kita jelaskan di dalam bab lalu. Kedua-dua pihak sama ada bank dan juga pelanggan telah mencapai persetujuan pada harga jualan yang termasuk keuntungan yang akan diperolehi oleh pihak bank.

Oleh demikian, penulis berpendapat yang produk ini adalah merupakan suatu produk yang bertepatan dengan kehendak syariah dan selamat dari unsur-unsur riba yang sememangnya diharamkan oleh Islam.

4.2.3.4 Pembiayaan Bil Eksport (OBP)

i. Pembiayaan Bil Eksport (OBP)²⁶⁷

Pembiayaan Bil Eksport atau *Outward Bills of Exchange Purchased* (OBP) adalah kemudahan pembiayaan kepada pengeksport/penjual yang memerlukan wang segera sementara menunggu bayaran dari pembeli. Pembiayaan produk ini adalah berasaskan konsep *Bay' al-Dayn*.

ii. Cara perjalanan operasi²⁶⁸

- Pengeksport mengeluarkan Bil Pertukaran (*Bill of Exchange*) yang sama nilai dengan Ringgit sebagai ganti untuk bil eksport (sehingga diperlukan untuk diantar kepada pengimport).

²⁶⁷ Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank, *op.cit.*

²⁶⁸ Maybank (1993), *op.cit.*, h.12.

- Bank membeli Bil Pertukaran pada harga yang dipersetujui bersama pada harga nilai bil ditolak keuntungan Bank (pada harga *Mark-Down*).
- Bank akan menggunakan Kadar Murabahah (*Murabahah rate*) untuk menentukan margin keuntungan.
- Pada tempoh matang, Bank akan menjual balik bil itu kepada pengeksport pada nilai muka bil.
- Pelanggan diminta untuk memenuhi keperluan nota kontrak Murabahah tersebut dalam pembiayaannya.

iii. Analisis produk perkhidmatan Pembiayaan Bil Eksport (OBP)

Pada dasarnya mekanisme transaksi produk ini adalah sama seperti Pembiayaan Bil Eksport konvensional yang ditawarkan. Walau bagaimanapun produk tersebut juga diubah suai menjadikan ianya adalah berprinsip dengan prinsip *Bay' al-Dayn*. Prinsip ini telah penulis terangkan di dalam bab lalu. Selain dari prinsip *Bay' al-Dayn*, prinsip *al-Murābahah* juga diguna pakai di dalam menentukan keuntungan pihak bank.

Oleh demikian, dengan berpandukan mekanisme perjalanan produk ini yang dilaksanakan oleh Maybank adalah selamat dan halal di sisi syarak sehingga lah jelas di sana wujudnya unsur-unsur yang kurang pasti atau juga penipuan.

i. Jaminan Bank Cara Islam (IBG)

Jaminan Bank Cara Islam atau *Islamic Bank Guarantee* (IBG) adalah kemudahan di mana Bank menjamin prestasi dan tanggungan pelanggan dalam urusan perniagaan/kontrak dengan pihak ketiga.²⁶⁹ Konsep ini sebenarnya merujuk kepada jaminan yang diberikan oleh Bank kepada pelanggannya yang telah mendepositkan barang dengan pihak ketiga. Kemudiannya, jika ada tuntutan oleh pemilik yang berhubung kait dengan barang tersebut, ia hendaklah diselesaikan oleh penjamin sekiranya tuntutan itu tidak ditunaikan oleh pihak ketiga.²⁷⁰ Produk ini menggunakan gabungan dua prinsip kontrak dalam Islam iaitu *al-Kafālah* dan *al-Wadī'ah*.

Pelanggan yang biasanya menggunakan khidmat ini terdiri dari kerajaan atau bank yang mahukan surat jaminan. Misalnya kerajaan, katakan seorang kontraktor yang membuat bangunan untuk kerajaan. Kontraktor tersebut dikehendaki mencagarkan wang dalam bank untuk menjamin kalau ia tidak dapat menyiapkan bangunan kerajaan tadi, maka kerajaan akan mengambil duit dan memberikan projek itu kepada orang lain pula.

²⁶⁹Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank, *op.cit.*

²⁷⁰Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.90.

ii. Cara perjalanan operasi

- Pelanggan membuat permohonan kepada Bank supaya mengeluarkan surat jaminan terhadap tanggungjawab pelanggan mengenai sesuatu hutangnya atau perlaksanaannya terhadap sesuatu tugas terhadap pihak ketiga.
- Surat jaminan akan dikeluarkan kepada pihak ketiga, di mana bank bersetuju menerima tanggungjawab tersebut di bawah prinsip *al-Kafālah*.
- Bank menghendaki pelanggan meletakkan sejumlah deposit dalam akaun deposit yang mana bank akan menerimanya di bawah prinsip *al-Wad'ah*.
- Bank akan mengenakan komisen atau upah ke atas pelanggan di atas pengurusan berkaitan yang diberikan.

iii. Analisis produk perkhidmatan Jaminan Bank Cara Islam (IBG)

Berdasarkan kepada apa yang telah diterangkan, jelas produk ini berlaku di bawah prinsip *al-Kafālah* yang sememangnya diharuskan di dalam Islam. Cumanya di sana sedikit masalah berhubung dengan Bank yang mengenakan komisen bagi jaminannya yang telah dibuat. Para fuqaha berpendapat bahawa komisen tidak harus jika sekiranya semata-mata jaminan yang telah diberikan.²⁷¹

²⁷¹ al-Dardīr, Alīmad b. Muḥammad b. Alīmad (1952), *al-Syārh al-Saghīr Bihāmiyyah Bulghah al-Sālik Li Aqrab al-Masālik Ilā Madhhah al-Imām Mālik*, J 2 Kaherah: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, h.160.

Berhubung dengan surat jaminan ini, terdapat fatwa yang menetapkan upah atau komisen tidak diharuskan semata-mata jaminan. Ketetapan ini dikeluarkan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* yang diadakan di Jedah pada tahun 1985.²⁷²

Namun sekiranya diperhatikan mengenai cara komisen tersebut dikenakan, penulis berpendapat ianya harus. Alasannya adalah kerana komisen akan diambil setelah surat jaminan dikeluarkan dan kos-kos pengurusan yang telah dibuat. Pelanggan juga dikehendaki membuat tambahan bayaran sekiranya tempoh dilanjutkan atau diperbaharui. Selain itu, komisen juga dikenakan berdasarkan nisbah peratus daripada nilai jaminan.

4.2.3.6 Jaminan Perkapalan Cara Islam (ISG)

i. Jaminan Perkapalan Cara Islam (ISG)²⁷³

Jaminan Perkapalan Cara Islam atau *Islamic Shipping Guarantee* (ISG) adalah kemudahan yang membantu pengimport mengeluarkan barang serta merta sebelum menerima dokumen penghantaran. Produk ini dilaksanakan juga dengan berlandaskan konsep *al-Kafālah*.

²⁷² *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* (1998), *op.cit.*, h.25-26.

²⁷³ Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank, *op.cit.*

ii. Cara perjalanan operasi

Secara asasnya cara perjalanan operasi produk ini adalah sama dengan Jaminan Bank Cara Islam (IBG). Bezanya ialah ISG dikeluarkan untuk syarikat perkapalan yang menjalankan urusan import dan eksport barang ke luar negara. Prosedur transaksi adalah sama dengan Jaminan Perkapalan konvensional.²⁷⁴

iii. Analisis produk Jaminan Perkapalan Cara Islam (ISG)

Berdasarkan kepada produk ini dan juga prinsip yang sama digunakan, maka suatu analisis yang sama dapat dibuat seperti Jaminan Bank Cara Islam (IBG). Oleh yang demikian ISG di Maybank adalah bertepatan dengan kehendak syariah.

4.2.3.7 Bil Penerimaan Cara Islam (IAB)

i. Bil Penerimaan Cara Islam (IAB)

Bil Penerimaan Cara Islam atau *Islamic Accepted Bill* (IAB) merupakan produk kewangan Islam yang telah diwujudkan untuk menggalakkan perdagangan dengan menggunakan instrumen kewangan Islam.²⁷⁵ IAB adalah bil pertukaran yang dibuat untuk membiayai urusniaga perdagangan domestik dan antarabangsa. Formulanya berdasarkan prinsip *Murābahah* (kos beserta keuntungan) dan *Bay'*

²⁷⁴ Maybank (1993), *op.cit.*, h.7.

²⁷⁵ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h.273.

al-Dayn (jual beli hutang).²⁷⁶ Terdapat dua cara pembiayaan di bawah mekanisme ini, iaitu:²⁷⁷

A. Import dan pembelian domestik (IAB Belian)

IAB yang diwujudkan untuk import dan pembelian domestik dinamakan IAB Belian. Semua pembelian dan pembiayaan di bawah kategori ini adalah menggunakan konsep *al-Murāhabah*.

Cara perjalanan operasi seperti diterangkan di bawah:

- Pelanggan meminta Bank menyediakan pembiayaan untuk keperluan modal pusingannya bagi membeli sesuatu barang yang bukan merupakan harta tetap (*fixed asset*) seperti stok dan inventori, alat ganti, bahan-bahan mentah dan barang separuh siap.²⁷⁸
- Bank akan melantik pelanggan tersebut sebagai ejen Bank untuk membeli barang yang dikehendaki itu bagi pihak Bank dan membayar harga belian tersebut dari dana Bank.
- Bank kemudian menjual barang tersebut kepada pelanggan pada harga yang dipersetujui yang meliputi harga asal barang dan untung Bank dan menbenarkan pelanggan membayar harga jualan tersebut secara tangguh bagi tempoh 30, 60 atau 90 hari atau satu tempoh masa yang lain mengikut keadaan.

²⁷⁶Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank, *op.cit.*

²⁷⁷Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.84.

²⁷⁸Barang-barang yang merupakan harta tetap tidak dapat dibiayai melalui instrumen ini.

- Kemudian pelanggan menguruskan untuk mendapat kemudahan kredit penerimaan dengan bank dan menyerahkan dokumen-dokumen perdagangan untuk membolehkan Bank mewujudkan IAB. Hutang itu disekuritikan menurut prinsip *Bay' al-Dayn* dalam bentuk bil pertukaran (*Bill of Exchange*).
- IAB Belian ini boleh diniagakan di pasaran sekunder. BNM telah membenarkan dagangan ini mengikut garis panduan tertentu.

B. Eksport dan penjualan domestik (IAB Jualan)

IAB yang diwujudkan untuk eksport dan penjualan domestik dinamakan dengan IAB Jualan. Bank boleh memberi kemudahan pembiayaan eksport dan jualan di bawah prinsip *Bay' al-Dayn*. *Bay' al-Dayn* atau perniagaan hutang adalah kemudahan pembiayaan jangka pendek di mana bank membeli hak pelanggan ke atas hutang yang biasanya disekuritikan di dalam bentuk Bil Pertukaran.

Cara perjalanan operasi seperti diterangkan di bawah:

- Seseorang pengekspor yang menghendaki kemudahan ini akan menyediakan dokumen-dokumen eksport seperti yang dikehendaki oleh kontrak jualan atau surat kredit.
- Pelanggan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut untuk dibeli oleh Bank.
- Oleh kerana dokumen-dokumen eksport ini akan dihantar kepada pembeli di luar negeri, Bank meminta pengekspor mengeluarkan satu Bil Pertukaran lain ke atas bank (untuk dibayar oleh Bank) yang

sekarang ini dipanggil Bil Penerimaan Cara Islam-Eksport (IAB Eksport).

- IAB Eksport ini kemudian boleh diniagakan dipasaran sekunder.

ii. Perbezaan antara IAB Belian dan IAB Jualan

Di bawah IAB Belian, bank mewujudkan IAB ke atas pelanggan dan diterima oleh pelanggan, manakala di bawah IAB Jualan, pelanggan mewujudkan IAB ke atas Bank dan diterima oleh Bank.²⁷⁹

iii. Analisis produk Bil Penerimaan Cara Islam (IAB)

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, IAB merupakan suatu sekuriti hutang yang dijual berdasarkan jualan dengan harga terdahulu adalah lebih rendah nilainya berbanding dengan jualan tangguh. Oleh itu, jika dilihat dari ciri-ciri operasinya, sekuriti ini adalah sama dengan bentuk perniagaan hutang dengan nilai semasa selain pemutang dengan nilainya lebih atau kurang pada masa pertukaran yang mana disyaratkan wujudnya persamaan di antara barang tukaran sekiranya dari mata wang yang sama. Jikalau tidak maka ianya adalah riba. Oleh itu, di sini harga terdahulu dengan harga tertangguh merupakan mata wang dan ia adalah dari jenis yang sama. Maka hukumnya sama dengan riba.

²⁷⁹ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.86.

Walau bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan harus bermuamalah dengan dua jenis sekuriti ini. Antara pendapat mereka ialah:²⁸⁰

- a) Pinjaman tidak boleh dijual atau dibeli. Ini adalah kerana ia tidak didasarkan kepada barang. Manakala hutang yang timbul dengan cara jual beli tertangguh, ia disandarkan ke atas barangan kemudian dijual kembali. Oleh itu, instrumen hutang ini tidak menggambarkan mata wang asli bahkan ia menggambarkan mata wang yang menggantikan barang. Maka ia seolah-olah jual beli barangan.
- b) Muamalah yang dilakukan adalah harus kerana jual beli itu adalah pada sekuriti bskannya pada matawang. Maka ia tidak dikatakan jual beli duit dengan duit dengan nilai lebih atau kurang.

Menjawab pendapat pertama, ianya tiada perbezaan antara pinjaman dan hutang yang timbul atas dasar jual beli secara tertangguh. Ini kerana bagi akad jual beli adalah berlakunya pemindahan barang kepada pembeli. Apabila sempurnanya jual beli di antara dua pihak, berpindahnya barangan kepada pembeli dan penjual hanya perlu menuntut bayaran ke atas barangan tersebut.²⁸¹

Manakala menjawab pendapat kedua pula, sekuriti adalah termasuk duit dan lain-lain yang dikira oleh syarak seperti kereta, harta tetap dan sebagainya. Jadi apa

²⁸⁰ al-Uthmānī, Muhammad Taqī, "Bay' al-Dayn wa al-Awrāq al-Māliyyah wa Badā'ilihā al-Syar'iyyah", bahas yang dikemukakan dalam dawahrah ke-11 Muktamar Majma' al-Fiqh al-Islāmī yang diadakan di Bahrain dari 25-30 Rejab 1419H/14-19 November 1998M, h.22.

²⁸¹ al-Uthmānī, Muhammad Taqī (1998), *ibid.*

yang berlaku di sini, perkara yang tertulis di dalam bil ialah jumlah bayaran yang di dalam tanggungan penghutang. Bil ini pada hakikatnya tidak mempunyai nilai sehingga ianya dimaksudkan oleh kedua pihak penjual dan pembeli melalui dokumen hutang. Sekiranya bil ini ditukar dengan cara jual beli, maka ia adalah jual hutang dengan duit samada dengan nilai yang sedikit atau lebih. Oleh demikian, transaksi demikian tidak harus.

4.2.3.8 Pembiayaan Balik Eksport Kredit Cara Islam (IECR)

i. Pembiayaan Balik Kredit Eksport Cara Islam (IECR)

Pembiayaan Balik Kredit Eksport Cara Islam atau *Islamic Export Credit Refinancing* (IECR) adalah satu skim kredit eksport yang menyediakan kemudahan pembiayaan tanpa faedah untuk pengeksport langsung dan tidak langsung.²⁸² Skim ini disediakan dalam usaha menggalakkan perniagaan eksport barang Malaysia ke luar negara dan ia dikendalikan oleh Bank Negara iaitu Bank Negara menyediakan pembiayaan jangka pendek untuk pengeksport melalui bank perdagangan yang melaksanakan SPI. Maybank menawarkan kemudahan kredit ini untuk membekal dan pengilang domestik yang mengeksport komoditi yang dibenarkan. Skim ini berdasarkan prinsip *Murābahah* (kos dicampur keuntungan jualan) dan *Bay' al-Dayn* (jual beli hutang).²⁸³ IECR terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

²⁸² Pengeksport tidak langsung adalah pihak yang membekal bahan domestik kepada pengeksport.

²⁸³ Brosur Pembiayaan & Pembiayaan Perdagangan Maybank, *op.cit.*

A. IECR prahantaran

Kemudahan ini disediakan kepada pengeksport langsung dan tidak langsung untuk pembelian bahan mentah atau barang siap bagi syarikat perdagangan, dengan tujuan eksport. Apabila seorang pengusaha atau pengeksport ingin mendapatkan kemudahan ini, Bank akan melantik pengeksport itu sebagai ejen pembeli untuk membeli bahan mentah yang diperlukan dalam proses pengeluaran berdasarkan prinsip *al-Murābahah*. Setelah barang tersebut diserahkan, Bank akan membayar kepada pembekal mengikut harga pada invois. Bank sebagai pemilik barang itu akan menjualkannya kepada pengeksport secara kredit pada harga yang dipersetujui iaitu nilai kos dicampurkan dengan *mark-up* sebagai keuntungan. Belian secara kredit oleh pengeksport itu yang dibiayai oleh Bank di bawah instrumen IECR adalah berdasarkan prinsip *Bay' al-Dayn*, di mana Bank mengeluarkan dua bil prahantaran yang mempunyai nilai muka yang berbeza, tetapi jumlah keduanya akan menyamai nilai kos dicampur margin keuntungan untuk diterima oleh pengeksport. Bil pertama mempunyai nilai yang menyamai harga kos barang dicampur dengan keuntungan Bank Negara, akan dijual kepada Bank Negara pada harga invois barang itu. Pada tarikh matang bil, Bank Negara akan menjualkannya semula ke Bank mengikut harga nilai muka bil yang dijual itu.²⁸⁴ Kemudahan ini dianggap prahantaran kerana ia digunakan untuk menyediakan barang sebelum dihantar untuk dieksport.²⁸⁵

²⁸⁴ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.84.

²⁸⁵ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h.275.

B. IECR selepas penghantaran

Kemudahan ini disediakan kepada pengeksport yang mengeksport barang secara kredit. Pengeksport yang menghantar barang kepada pengimport adalah pemilik bil eksport (instrumen hutang) dan ia melantik Bank sebagai ejen pemungut untuk menuntut bayaran daripada pembeli daripada luar negara. Oleh kerana bayaran hanya boleh dituntut pada suatu tarikh hadapan yang telah ditetapkan, pengeksport yang memerlukan dana segera, akan menjual bil (hutang) itu kepada Bank mengikut prinsip *Bay' al-Dayn*. Bank akan membeli bil eksport itu dengan harga yang dipersetujui bersama, iaitu nilai muka bil selepas ditolak keuntungan bank (pada harga *Mark-Down*). Bank pula kemudiannya menjualkan bil tersebut kepada Bank Negara pada harga *mark-down* iaitu nilai muka ditolak keuntungan Bank Negara. Pada tarikh matang bil, Bank Negara akan menjual bil tersebut semula ke Bank mengikut harga nilai muka bil yang dijual itu.²⁸⁶

ii. Analisis produk Pembiayaan Balik Kredit Eksport Cara Islam (IECR)

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat beberapa perkara yang boleh dibuat analisa terhadapnya. Antaranya ialah prinsip *Bay' Murābahah* yang diguna pakai di dalam produk ini. Prinsip muamalah ini sebenarnya bagi penulis tidak menimbulkan sebarang keraguan. Oleh itu ianya adalah menepati kehendak syariah. Cumanya apa yang berkait dengan perlantikan wakil oleh pihak dan juga *Bay' al-Dayn* memerlukan kepada sedikit perbincangan.

²⁸⁶Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.84.

A. Perlantikan wakil oleh pihak bank

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas mengenai cara operasi yang dijalankan, pihak bank akan melantik pengeksport itu sebagai ejen pembeli untuk membeli bahan mentah yang diperlukan dalam proses pengeluaran, kemudiannya menjualkannya semula kepada pelanggan yang sama. Jadi, bagaimanakah pendirian syara' mengenai perkara ini?

Penulis berpendapat bahawa perlantikan wakil oleh pihak sebagai ejen pembeli adalah dibolehkan oleh syarak. Ibn Qudāmah menyatakan: "Dan harus mewakilkan seseorang dalam jual beli, menuntut hak, membebaskan hamba dan cerai sama ada pihak yang mewakilkan itu, ada bersama atau tidak ada".²⁸⁷ Dalil daripada al-Quran ialah sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah al-Kahf yang mana mereka mewakilkan salah seorang sahabat mereka membeli makanan. Manakala hadis pula sebagaimana Rasulullah s.a.w mewakilkan 'Urwah al-Barqī supaya membeli binatang korban. Ini merupakan dalil yang jelas mengharuskan wakil untuk membeli.

Sekira diperhatikan kepada transaksi produk ini, perlantikan wakil tersebut boleh menyebabkan kemungkinan timbul jual beli sebelum barang tersebut dipegang.²⁸⁸ Pelanggan yang dilantik menjadi wakil akan datang kepada pihak bank dengan membawa resit pembelian barang dari pengeluar, kemudian membuat akad *Bay'*

²⁸⁷ Ibn Qudāmah (1985), *op.cit.*, J.5, h.52.

²⁸⁸ Hj. Long, Muhamad Noor Habibi (1998), "Akad Al-Murabahah Menurut Perundangan Islam Dan Pemakaiananya Di Bank Bumiputra Malaysia Berhad", Tesis M.A., Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.177.

Murābahah tanpa terlebih dahulu memegang barang dan menyerahkan kepada kepada pelanggan. Perkara sebegini juga boleh menyebabkan timbulnya penipuan di mana pelanggan akan berpaktat dengan pengeluar bagi mendapatkan resit pembelian, kemudian datang kepada pihak bank bersama resit tersebut dan membuat akad *Bay' Murābahah* di mana barang tidak ada sebenarnya. Maka seharusnya pihak bank mestilah berhati-hati di dalam perkara ini.

B. Ketepatan menggunakan prinsip *Bay' al-Dayn*

Hutang (*dayn*) dari segi istilah ialah apa yang wajib atas tanggungan disebabkan sesuatu akad, penggunaan atau melalui pinjaman.²⁸⁹ Manakala jual beli hutang dengan hutang telah sabit pengharamannya dalam sunnah dan ijmak. Ibn 'Umar r.a telah meriwayatkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُنَّ عَنْ بَيعِ الْكَالِيِّ بِالْكَالِيِّ

Maksudnya:

"Bahawa Nabi saw menegah melakukan jual beli hutang tertangguh dengan hutang tertangguh".²⁹⁰

Manakala ijmak ulamak sepakat bahawa jual beli hutang dengan hutang adalah tidak harus kerana hakikatnya adalah jual beli sesuatu dalam tanggungan dengan sesuatu yang di dalam tanggungan orang lain.

²⁸⁹ Ibn 'Abidin, Muhammad Amin (1966), *op.cit.*, J 5, h.157.

²⁹⁰ al-Syawki (t.t) *op.cit.*, J 5, Bāb al-Nahy 'An Bay' al-Dayn bi al-Dayn, No 2186, Maktabah Īmān.

Manakala jual beli hutang dengan harga semasa ada dua gambaran:

Pertama: Jual beli hutang dengan harga semasa kepada orang yang mempunyai hutang ke atasnya. Ianya harus di kalangan mazhab empat.²⁹¹

Kedua: Jual beli hutang dengan harga semasa kepada orang yang tidak mempunyai hutang ke atasnya. Mazhab Hanafi, Syafi'ie dan Hanbali tidak mengharuskannya. Manakala mazhab Maliki, Syafi'ie dalam pendapat lain mengharuskannya²⁹² apabila mempunyai syarat-syarat tertentu dan tidak ada unsur-unsur *gharar* dan riba. *Mawāhib al-Jalīl* menyatakan: "Bay' al-Dayn (jual beli hutang) tidak harus melainkan dengan lima syarat iaitu hendaklah bukan makanan, hendaklah orang yang berhutang hadir memperakui dengannya, hendaklah jual beli bukan dari sama jenis, hendaklah bukan dengan maksud untuk memudaratkan penghutang dan hendaklah secara tunai".²⁹³

²⁹¹ Sila lihat al-Saghdi, 'Ali b. al-Hasin b. Muhammad (1984), *al-Naif fi al-Fatāwā*, J 1. Beirut: Muassasah al-Risālah, h 438; al-Dasūqī, Syams al-Dīn Muhammad b. Ahmad b. 'Urfah (t.t), *Hāsiyyah al-Dasūqī 'Alā al-Syarḥ al-Kabīr*, J 3. Beirut: Dār al-Fikr, h 63; al-Ghazālī, Abu Ḥamid Muhammad b. Muḥammad (1997), *al-Wāṣit fī al-Madhbāh*, tāḥqīq Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm dan Muḥammad Muḥammad Tamr, J 3. Kaherah: Dār al-Salam, h. 151; al-Marḍāwī, Abū al-Ḥasan 'Alī b. Sulaymān (1980), *al-Inṣāf fī Ma'rīfat al-Rājih min al-Khilāf*, tāḥqīq Muḥammad Ḥamid al-Faqī, J 5. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h 110-111

²⁹² al-Ḥaṭṭāb, Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. 'Abd al-Rahmān (1978), *Mawāhib al-Jalīl bi Syarḥ Mukhtasar ḥalīl*, J 4. Beirut: Dar al-Fikr, h 368

²⁹³ al-Ḥaṭṭāb (1978), *ibid.*

Ulama kontemporari masa kini mengharuskan *Bay' al-Dayn* sekiranya ternafī dari segala unsur-unsur riba.²⁹⁴

C. *Bay' al-Dayn* yang diharamkan dalam instrumen

Sekiranya kita perhatikan kepada kedua-dua instrumen, didapati sekuriti hutang yang tertulis di dalam resit atau peñisi yang dikeluarkan menjadi barang yang dijual. Kemudiannya dijual kepada bukan pemutang dengan harga semasa yang lebih rendah berbanding harga tertangguh. Justeru, transaksi ini adalah serupa dengan menjual hutang kepada orang yang tidak mempunyai hutang dengannya dengan harga semasa yang mana diharuskan oleh mazhab Maliki dan juga mazhab Syafi'ie²⁹⁵. Oleh demikian, transaksi ini tidak harus. Ini adalah kerana berlakunya penangguhan salah satu barang tukaran dan juga merupakan jenis yang sama serta tidak ada persamaan kadar. Justeru, ianya tidak mencukupi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh mazhab maliki dan Mazhab Syafi'ie sebagaimana yang telah kita jelaskan.

Berdasarkan penganalisaan ini, suatu kesimpulan yang dapat dibuat ialah instrumen ini boleh membawa kepada muamalah riba yang diharamkan kerana tidak harus menjual wang dengan wang dari jenis yang sama dengan ada pertambahan. Sekiranya bukan dari jenis yang sama, ianya mestilah berlaku penyerahan tangan (قص).

²⁹⁴ al-Darīr, al-Siddīq Muḥammad al-Amin (1990), *al-Gharār wa Āthāruh fī al-'Uqd*. Beirut: Dār al-Jalīl, h.316

D. Alternatif terhadap instrumen

Alternatif yang diambil adalah instrumen yang sama iaitu dengan salah satu cara berikut:

- i. Bank meletakkan asas harga surat sekuriti dengan cara mendahuluikan deposit yang telah ditetapkan tempoh tanpa membebankan pelanggan sebarang faedah, maka dalam keadaan ini bank boleh mengambil upah atau komisen²⁹⁵ dengan syarat yang telah ditentukan.²⁹⁶
- ii. Bank boleh menjadikan transaksi instrumen ini dengan asas syarikat *mudārabah* di mana bank boleh memberikan modal pelaburan mengikut harga pada invois dari keuntungan dari perniagaan ini akan dibahagi di antara keduanya mengikut perjanjian yang dipersetujui.²⁹⁷
- iii. Bank boleh surat hutang tersebut dengan suatu barang yang diterima oleh pelanggan dan dalam keadaan ini nilai barang lebih rendah dari nilai hutang tidak menjadi halangan.²⁹⁸

Sebagai kesimpulannya pihak bank bolehlah memilih alternatif yang bertepatan dengan kehendak syariah di samping mendapatkan keuntungan di dalam perniagaan perbankan.

²⁹⁵ *al-Fatawā al-Syar'iyyah* (1984), J I. Jordan: Bank Islam Jordan, h. 21.

²⁹⁶ *al-Fatawā al-Syar'iyyah* (1984), *ibid.*, h. 43-44.

²⁹⁷ al-Hitî (1993), *op.cit.*, h. 264.

²⁹⁸ al-Hitî (1993), *op.cit.*, h. 264.

4.3 Kesimpulan

Pada hakikatnya fungsi sebenar penubuhan sesebuah bank adalah untuk memudahkan orang ramai menyimpan wang dan juga mendapatkan kemudahan bantuan pinjaman kewangan. Oleh yang demikian, jika dilihat dari sudut tersebut terdapatnya persamaan antara penubuhan perbankan Islam dan konvensional.

Produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah sama seperti produk konvensional yang mana ianya telah diubah suai mengikut prinsip-prinsip muamalah Islam. Sekalipun wujudnya kesamaan dari aspek fungsi dan aktiviti antara kedua-dua perbankan Islam dan konvensional, namun konsep dan teorinya tidaklah sama. Ini adalah kerana ia berkonseptkan prinsip muamalah Islam. Namun demikian kajian dan pengamatan lebih teliti perlu dilakukan sama ada dari segi falsafah, istilah dan sebagainya mestilah tepat untuk di aplikasikan ke dalam produk yang sedia ada.